

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II: 2022/ 2023**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30123
ASAS KEWANGAN PERNIAGAAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA BELAS (13)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan

1. Apakah definisi pengurusan kewangan?

HPK1
T1

- A. Aktiviti pengurusan keuntungan syarikat.
- B. Aktiviti pengurusan kewangan pemilik saham.
- C. Aktiviti pengurusan sumber manusia dalam syarikat.
- D. Aktiviti perancangan, penyusunan dan pengawalan aspek kewangan.

- 2.

HPK1
T1

Bahagian X berhubungkait dengan bahagian kewangan dengan menyediakan dana bagi aktiviti menjana produk.

Namakan Bahagian X.

- A. Bahagian Pemasaran.
 - B. Bahagian Pengeluaran.
 - C. Bahagian Sumber Manusia.
 - D. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan.
3. Antara pernyataan berikut, yang manakah menerangkan mengenai peranan pengurus kewangan?

HPK1
T1

- A. Pengurus kewangan perlu membuat analisis dan perancangan kewangan dengan baik.
- B. Pengurus kewangan perlu menjalankan kaedah pemasaran dalam memastikan produk dikenali.
- C. Pengurus kewangan perlu menyediakan pekerja yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti perniagaan.
- D. Pengurus kewangan perlu menentukan menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan produk yang berkualiti.

4. Antara berikut, pilih pernyataan yang **BETUL** mengenai hubungkait antara bahagian kewangan dengan bahagian sumber manusia. HPK1
T1

- A. Bahagian kewangan akan mengeluarkan dana untuk membeli bahan mentah.
- B. Bahagian kewangan akan mengeluarkan dana untuk program latihan untuk pekerja.
- C. Bahagian kewangan akan mengeluarkan dana untuk membayar iklan dan pengedaran.
- D. Bahagian kewangan akan mengeluarkan dana untuk penggunaan elektrik, air dan pengangkutan.

5. Berikut adalah petikan kunci kira-kira Maju Sdn Bhd. HPK1
T2

Aset semasa	RM40,000
Liabiliti semasa	RM25,000
Inventori	RM12,000

Kirakan nisbah cepat.

- A. 1.02
 - B. 1.12
 - C. 1.16
 - D. 1.50
6. Berikut adalah petikan kunci kira-kira bagi syarikat Airis. HPK1
T2

Jumlah liabiliti	RM300,000
Jumlah ekuiti pemilik	RM650,000

Hitungkan nisbah hutang atas ekuiti.

- A. 26.15%
- B. 36.45%
- C. 46.15%
- D. 48.15%

7. Berikut adalah petikan kunci kira-kira bagi Syarikat Hadif Enterprise. $\frac{\text{HPK1}}{\text{T2}}$

Jualan kredit	RM9,800
Penghutang	RM2,600

Hitungkan tempoh kutipan purata.

- A. 93.84 hari
B. 96.84 hari
C. 98.84 hari
D. 102.84 hari
8. Berikut adalah petikan penyata pendapatan Syarikat Riang Ria. $\frac{\text{HPK1}}{\text{T2}}$

Jualan	RM4,000
Aset bukan semasa	RM6,200

Hitung pusing ganti aset bukan semasa.

- A. 0.65
B. 0.75
C. 0.85
D. 0.95

9. Berikut adalah petikan penyata pendapatan yang berakhir pada 31 Mac 2022.

HPK1
T2

Untung bersih	RM4,000
Saham biasa	RM8,500
Nilai per saham	RM2.50

Hitung nisbah perolehan sesaham.

- A. 0.78
B. 0.88
C. 1.08
D. 1.18
10. Antara berikut, yang manakah menunjukkan sumber jangka pendek?

HPK1
T3

- A. Bon.
B. Ekuiti.
C. Debentur.
D. Overdraf.

11. Sekuriti hutang yang dikeluarkan kepada orang ramai bagi tujuan mengumpul modal.

HPK1
T3

Apakah sumber dana yang tepat bagi menerangkan pernyataan di atas?

- A. Bon.
B. Overdraf.
C. Saham biasa.
D. Saham keutamaan.

12.

- Pinjaman bagi tempoh melebihi setahun.
- Bayaran balik adalah secara ansuran yang terdiri daripada amaun pokok dan faedah.

HPK1
T3

Pilih pembiayaan sumber dana jangka panjang yang **BETUL** bagi mewakili pernyataan di atas.

- A. Bon.
- B. Debentur.
- C. Saham keutamaan.
- D. Pinjaman jangka panjang.

13.

Kemudahan diberikan oleh bank perdagangan kepada perniagaan yang mengimport barang dari luar negara. Ia merupakan jaminan pembayaran terhadap pengimport dan akan dihantar kepada pengeksport.

HPK1
T3

Pilih sumber dana yang paling tepat bagi menerangkan pernyataan di atas.

- A. Nota janji.
- B. Surat kredit.
- C. Kredit pusingan.
- D. Kredit dagangan.

14. Bajet tunai berakhir Februari 2022 adalah seperti berikut:

HPK1
T4

Baki awal	RM15,000
Aliran tunai bersih	RM65,000

Kirakan baki tunai bersih.

- A. RM70,000
- B. RM80,000
- C. RM90,000
- D. RM95,000

15. Diberi baki tunai awal pada 31 Oktober 2022 adalah RM60,000
Aliran tunai masuk adalah RM250,000
Aliran tunai keluar adalah RM100,000

HPK1
T4

Kirakan baki tunai bersih.

- A. RM150,000
B. RM200,000
C. RM210,000
D. RM410,000
16. Antara berikut, yang manakah menunjukkan kepentingan pengurusan risiko? HPK1
T5
- A. Mengelakkan berlakunya kerugian yang besar.
B. Memberikan kebimbangan dan ketakutan pelanggan.
C. Mengabaikan tanggungjawab yang ditetapkan oleh pihak luar.
D. Mengelakkan kestabilan dan kebersaingan dalam ekonomi pelanggan.
17. Apakah maksud polisi liabiliti awam? HP1K
T5
- A. Polisi yang menawarkan perlindungan kepada pekerja di bawah seorang majikan daripada risiko kemalangan.
B. Polisi yang menawarkan perlindungan kepada si diinsurans atau waris jika berlaku kemalangan terhadap si diinsurans.
C. Polisi yang menawarkan perlindungan kepada pemilik bangunan terhadap tuntutan kemalangan yang dibuat oleh pengguna awam.
D. Polisi yang menawarkan perlindungan kepada si diinsurans sebagai pengguna kenderaan bermotor dan pihak ketiga sekiranya berlaku kemalangan.

18.

Polisi yang memberikan perlindungan mengikut tempoh matang di mana bayaran akan dibuat dan dikembalikan berserta keuntungan pada akhir tempoh matang.

HPK1
T5

Pilih polisi insurans yang **BETUL** bagi menerangkan pernyataan di atas.

- A. Polisi bernilai.
- B. Polisi bekal hidup.
- C. Polisi seumur hidup.
- D. Polisi terapung atau terbuka.

19.

Prinsip ini melindungi kandungan kontrak yang ditandatangani dan dipersetujui kedua-dua belah pihak berdasarkan punca risiko yang diinsuranskan.

HPK1
T5

Pilih prinsip insurans yang **BETUL** bagi menerangkan pernyataan di atas.

- A. Ganti rugi.
- B. Doktrin punca terdekat.
- C. Penuh percaya mutlak.
- D. Kepentingan boleh diinsuranskan.

20. Antara berikut, yang manakah merupakan prinsip takaful?

HPK1
T5

- A. Maisir.
- B. Gharar.
- C. Tabarru'.
- D. Akad jual beli.

BAHAGIAN B

*[60 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan

SOALAN 1

a)

HPK1
T1

- i. Senaraikan **LIMA (5)** kepentingan pengurusan kewangan.

[5 markah]

- ii. Huraikan **DUA (2)** peranan pengurus kewangan di dalam perniagaan.

[4 markah]

- b) Berikut adalah maklumat Perolehan sesaham (EPS) bagi dua buah syarikat.

HPK1
T1

Syarikat Faris	Syarikat Firas
EPS = RM 0.37 sesaham	EPS = RM0.27 sesaham

Berdasarkan maklumat di atas, syarikat manakah yang menunjukkan perolehan sesaham yang lebih baik bagi pemegang saham? Jelaskan.

[3 markah]

- c) Berikut adalah sebahagian dari kunci kira-kira bagi Syarikat Danie yang berakhir pada 31 Disember 2022 (RM'000)

HPK1T2

Aset semasa	(RM'000)
Tunai	65
Akaun belum terima	80
Inventori	150
Liabiliti semasa	
Akaun belum bayar	115

- i. Kirakan nisbah semasa dan nisbah cepat.

[4 markah]

- ii. Berikut adalah sebahagian dari maklumat Penyata Kewangan Syarikat Aimy.

Jualan	RM52,000
Kos Jualan	RM12,000
Inventori	RM8,000
Penghutang	RM25,000

Kirakan tempoh kutipan purata dan pusing ganti inventori.

[4 markah]

SOALAN 2

- a) Berikut adalah penyata pendapatan Syarikat Daya Maju Sdn. Bhd. bagi tempoh berakhir 31 Disember 2021 dan 2022.

HPK1
T2

	2021	2022
	RM	RM
Jualan	300,000.00	360,000.00
Tolak : Kos Barang Untuk Dijual / Kos Jualan	(120,000.00)	(160,000.00)
Untung Kasar	180,000.00	200,000.00
Tambah : Pendapatan lain	5,000.00	6,000.00
Tolak : Belanja Operasi	(15,000.00)	(18,000.00)
Untung Sebelum Faedah dan Cukai	170,000.00	188,000.00
Tolak : Belanja Faedah	(20,000.00)	(40,000.00)
Untung Sebelum Cukai	150,000.00	148,000.00
Tolak : Cukai	(5,000.00)	(6,000.00)
Untung Bersih Selepas Cukai	145,000.00	142,000.00

Kira:

- i. Margin untung kasar

[3 markah]

- ii. Margin untung bersih

[3 markah]

- iii. Nyatakan kedudukan prestasi Syarikat Daya Maju berdasarkan margin untung bersih bagi tahun 2022.

[1 markah]

b)

HPK1

- i. Senaraikan **LIMA (5)** sumber dana jangka pendek.

T3

[5 markah]

- ii. Terangkan sumber dana jangka masa panjang bagi debentur.

[4 markah]

c)

HPK1T3

Sumber dana jangka panjang merujuk keperluan pelaburan modal yang melibatkan tempoh melebihi satu tahun.

Huraikan **DUA (2)** keburukan penggunaan dana jangka panjang.

[4 markah]

SOALAN 3

HPK1

- a). Sediakan belanjawan tunai bagi bulan Januari 2022 berdasarkan maklumat berikut.

T4

- i. Baki tunai pada 1 Januari adalah RM5,000.
- ii. Anggaran jualan bagi bulan Januari adalah RM40,000
- iii. Anggaran belian bagi bulan Januari adalah RM12,000
- iv. Anggaran belanja yang terlibat termasuklah Gaji RM 3,000, Insurans RM1,800 Kadar bayaran RM800.

[4 markah]

b)

HPK1

- i. Senaraikan **LIMA (5)** jenis insurans.

T5

[5 markah]

- ii. Huraikan **DUA (2)** kepentingan pengurusan risiko.

[4 markah]

c)

HPK1

- i. Huraikan **DUA (2)** prinsip insurans yang bercanggah dengan prinsip insurans konvensional.

T5

[4 markah]

ii.

Encik Syukri telah membeli insurans yang bernilai RM100,000 untuk dua buah kedainya dan nilai ini dibahagikan sama rata antara dua buah kedai tersebut. Satu kebakaran telah berlaku terhadap sebuah daripada kedai Encik Syukri.

Berdasarkan kes di atas, tunjukkan nilai perlindungan yang boleh dituntut oleh Encik Syukri berdasarkan prinsip ganti rugi.

[3 markah]

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab